



Dua Penyelidik UPM Terima Anugerah MAKNA



Para pemenang yang menerima Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA 2009.

SERDANG, 16 Mac – Dua penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA hasil penyelidikan masing-masing mengenai kanser.

Penyelidik berkenaan iaitu Dr. Abhimanyu Veerakumarasivam dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan terpilih berdasarkan penyelidikannya yang bertajuk Isolation, Immortalization and Characterization of Malaysian Primary Breast Cancer Cell Lines.

Sementara itu, Prof. Dr. Chong Pei Pei daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan terpilih kerana penyelidikannya yang bertajuk Investigation on polymorphism of p53 and p21 cell cycle regulatory genes and the association with human papillomavirus (HPV) – positive cervical cancer among the female population in Malaysia.

Kedua-dua penyelidik menerima tajaan berjumlah RM30,000 bagi pembiayaan projek penyelidikan kanser selain sokongan berterusan daripada MAKNA.

Presiden MAKNA, Dato' Mohd Farid Ariffin berkata MAKNA akan sentiasa memantau penyelidikan yang dilakukan oleh penerima anugerah sepanjang tempoh dua tahun berdasarkan mengikut syarat yang telah ditetapkan sebelum hasil kajian tersebut dibentangkan kepada orang ramai.



Dato' Farid kagum kedua-dua penerima anugerah ini daripada UPM.

“Saya amat kagum apabila mengetahui kedua-dua penerima anugerah ini sebenarnya daripada UPM kerana kebetulan mereka telah berjaya dalam proses pemilihan yang sangat sengit.

“Saya berharap para penyelidik dapat menggunakan dana MAKNA dan memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya dalam proses mencari penawar yang lebih berkesan,” katanya dalam ucapan perasmian Majlis Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA 2009 di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh berkata penyelidik disarankan agar tidak melakukan penyelidikan dengan hanya bermotifkan nilai komersial sebaliknya mereka perlu memikirkan tentang manfaat hasil kajian.

“Saintis yang turut hadir pada hari ini diharap dapat mencontohi usaha Dr. Abhimanyu dan Prof. Dr. Chong agar dapat menghasilkan penemuan baru yang memberikan impak dalam bidang sains perubatan untuk masyarakat sejagat,” katanya.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Madihah (praktikal) 0389466014).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia